



جامعة تكنولوجيا مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KARISMA

XXVIII UITM CAWANGAN PULAU PINANG
2023

20 - 27 September 2023
UITM CAWANGAN PULAU PINANG

Anjuran:

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PULAU PINANG**



THE
World University
Rankings
2023 TOP 1501+



MDEC
Premier Digital
Tech Institution



THE IMPACT
RANKINGS
2022 TOP 101-200

Malaysia Research Assessment

MyRA



KARISMA
XXVIII 2023
UITM CAWANGAN PULAU PINANG



“Atlet Cemerlang UiTM Gemilang”



“Kekuatan tidak datang dari kemampuan fizikal semata-mata tetapi iaanya datang dari semangat yang tidak pernah mengenal erti mengalah”





Setinta Kata

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Alhamdulillah, saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpahan rahmat dan kurnia-Nya, kita semua dapat terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam Karnival Sukan Mahasiswa (KARiSMA) UiTM kali ke-28 (XXVIII), 2023 di UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Ucapan ribuan terima kasih dan syabas kepada pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan seluruh jawatankuasa kerja KARiSMA yang telah berusaha dan membantu merealisasikan harapan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menggilap dan mencungkil bakat atlet-atlet dalam kalangan mahasiswa di institusi pendidikan tinggi.

Pelaksanaan karnival sukan di UiTM seperti KARiSMA ini, selaras dengan mandat yang telah diberikan kepada Majlis Sukan Universiti Malaysia untuk terus membangunkan sukan di peringkat IPT. Penganjuran karnival ini telah mengabungkan para atlet dari seluruh institusi pendidikan dan melahirkan jaguh-jaguh sukan yang seterusnya berjaya membawa nama Malaysia di persada antarabangsa



Saya mendoakan agar segala usaha gigih dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak terlibat akan dibalas dengan kebaikan. Semoga UiTM dan warganya terus melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik malah juga dalam bidang sukan.

Selamat berjuang semua atlet dan kontinjen negeri.

Terima kasih.

**Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi
YBhg. Dato' Seri Abdul Razak Bin Jaafar**





Sekapur Sireh

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia serta izin-Nya, dapat kita menjayakan Karnival Sukan Mahasiswa (KARiSMA) kali ke-28 (XXVIII) 2023 di UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Kejohanan KARiSMA merupakan acara sukan tahunan UiTM yang melibatkan penyertaan para atlet daripada seluruh cawangan di Malaysia dan sentiasa mendapat sokongan yang padu oleh warga UiTM. UiTM sentiasa menyokong penuh penglibatan para pelajar dalam menjalani dan menyertai aktiviti sukan sehingga ke peringkat antarabangsa. Kejohanan sukan peringkat tinggi sebegini merupakan landasan yang terbaik untuk mencungkil bakat dan seterusnya mengembangkan potensi pelajar untuk menjadi pelapis serta peneraju kepada pembangunan sukan negara.

Sehubungan itu, saya menyeru kepada semua mahasiswa dan para atlet serta pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, agar mengambil manfaat sepanjang berlangsungnya kejohanan KARiSMA 2023 ini. Saya yakin, bahawa penglibatan para pelajar dalam carnival sukan ini, dapat membantu menjayakan aspirasi universiti ke arah melahirkan atlet tersohor yang mampu memberi daya saing yang tinggi bukan sahaja di dalam negara, malah pada peringkat antarabangsa.



Penganjuran kejohanan tahunan seperti KARiSMA ini memerlukan gabungan tenaga dan kerjasama yang jitu daripada semua pihak. Oleh itu, pengendalian karnival ini perlu konsisten dan menjadi pemacu aspirasi kepada penganjuran program-program yang lebih hebat pada masa akan datang.

Saya pasti, dengan adanya iltizam sebegini, pembangunan dan pelaksanaan sukan di UiTM akan lebih lestari dan kukuh. Melalui kejohanan KARiSMA ini juga, nilai-nilai murni, sifat berdisiplin, bertolak ansur, ketepatan masa, semangat kerjasama, kepimpinan dan dapat dipupuk dalam kalangan mahasiswa dan warga UiTM.

Semoga matlamat serta objektif kejohanan KARiSMA 2023 ini tercapai dengan jayanya. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada UiTM Cawangan Pulau Pinang selaku penganjur KARiSMA 2023, kampus-kampus negeri, ahli jawatankuasa, dan para atlet serta semua yang terlibat dalam menjayakan karnival sukan pada kali ini.

**Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA
YBhg. Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Binti Mohd Janor**





Seulas Pinang

Karnival Sukan Mahasiswa (KARiSMA) telah menjangkau usia 28 tahun dan dalam masa tersebut UiTM telah banyak melahirkan bakat-bakat muda yang telah bersinar pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sesungguhnya, kejayaan untuk melahirkan seorang atlet bertaraf dunia bukanlah suatu perkara yang mudah. Ia bukan sekadar hasil usaha individu malah melibatkan pelbagai pihak. Penggembangan pemikiran dan fizikal serta dibantu dengan penyusunan strategi yang berkesan oleh pelbagai pemegang taruh jelas membawa hasil yang cemerlang.

Mahasiswa atlet merupakan aset penting bagi menentukan masa depan negara yang lebih cemerlang dalam sukan. Justeru itu, tumpuan mendidik atlet di universiti secara seimbang sangatlah penting. Oleh hal yang demikian, pelaksanaan 1 Pelajar 1 Sukan adalah amat penting untuk mentransformasi mahasiswa atlet ke arah Universiti Bersukan. Matlamat dasar ini merupakan inisiatif yang akan membolehkan pelajar mencapai, menggunakan dan menyebarkan kemahiran serta ilmu pengetahuan yang diperolehi mereka bagi kegunaan sepanjang hayat.



Pada kesempatan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada Jawatankuasa Pengelola Karnival Sukan Mahasiswa (KARiSMA) kali ke-28 (XXVIII), 2023 iaitu UiTM Cawangan Pulau Pinang kerana telah berjaya melaksanakan kejohanan ini dengan cemerlang.

Akhir kata, saya berharap agar taraf sukan UiTM akan terus maju dan berjaya melahirkan lebih ramai atlet yang berbakat.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Universiti Teknologi MARA

YBhg. Profesor Dr. Haji Mohd Sazili Bin Shahibi





Selayang Bicara


Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Pertama sekali, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama mencapai impian dalam merealisasikan penganjuran Karnival Sukan Mahasiswa (KARISSMA) kali ke-28 (XXVIII) 2023 yang berlangsung di UiTM Cawangan Pulau Pinang. Saya amat berbesar hati dan mengalukan-alukan kehadiran semua pihak ke UiTM Cawangan Pulau Pinang.

KARISSMA merupakan kejohanan sukan yang menghimpunkan para atlet terpilih dari seluruh kampus negeri untuk mengembangkan bakat serta menunjukkan potensi yang ada pada mereka untuk menjadi mahasiswa yang berjaya dalam sukan serta pendidikan. Kejohanan ini juga, melahirkan golongan mahasiswa atlet yang boleh bersaing pada peringkat universiti dan antarabangsa.

Di samping itu, penglibatan daripada setiap individu sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penganjuran kejohanan telah menghasilkan pelbagai manfaat seperti perkongsian ilmu pengetahuan kesukaran, memperkuatkan hubungan kekeluargaan sesama warga UiTM serta dapat meningkatkan tahap pencapaian sukan UiTM. Justeru, saya selaku wakil tuan rumah amat berbesar hati menerima kunjungan semua kontingen atlet dari seluruh kampus negeri ke UiTM Cawangan Pulau Pinang. Menjadi harapan saya agar kita dapat bersama-sama menaikkan imej dan martabat sukan UiTM di Malaysia.





Akhir kata, sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Naib Canselor serta Ahli-ahli Pengurusan Eksekutif dan Pengurusan Kanan Universiti, Pengarah dan staf sukan UiTM dan Ahli Jawatankuasa Pengelola KARiSMA 2023. Penghargaan ini juga diberikan kepada para pengurus pasukan dan semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam menjayakan kejohanan ini. Selamat berjuang diucapkan kepada semua atlet, dan semoga kemenangan serta kenangan ini tidak akan dilupakan.

Rektor

UiTM Cawangan Pulau Pinang

YBhg. Profesor Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy Bin Razali



Jawatankuasa Induk

Pengerusi

YBhg. Profesor Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy Bin Razali
Rektor

Timbalan Pengerusi

Profesor Madya Ts. Dr Basharuddin Bin Abdul Hadi
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

Setiausaha

Cik Feqdiatul Hismiza Binti Mat
Pegawai Sukan

Penolong Setiausaha

Encik Muhammad Izzuddin Bin Hamdi
Penolong Pegawai Belia & Sukan

Bendahari

Puan Nurkamarusyani Binti Mohd Zain
Timbalan Bendahari



Ahli - ahli

Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Siti Noraini Binti Sulaiman
Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik

Encik Amir Heberd Bin Abdullah
Penolong Rektor, Kampus Bertam

Dr. Meor Adzmey Bin Sagiruddin
Timbalan Ketua Pegawai Perubatan

Encik Mohd Yazed Bin Abd Razak
Timbalan Pendaftar Kanan

DSP/PB Yuzaini Ridzuan Bin Yusof
Timbalan Pegawai Keselamatan

Encik Mohd Saiful Nizam Bin Mohamad Ali
Jurutera



Jawatankuasa Kerja Kejohanan KARISMA 2023

Pengerusi

YBhg. Profesor Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy Bin Razali
Rektor

Timbalan Pengerusi

Profesor Madya Ts. Dr Basharuddin Bin Abdul Hadi
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

Bendahari

Puan Nurkamarusyani Binti Mohd Zain
Timbalan Bendahari

Setiausaha

Cik Feqdiatul Hismiza Binti Mat
Pegawai Sukan

Penolong Setiausaha

Encik Muhammad Izzuddin Bin Hamdi
Penolong Pegawai Belia Dan Sukan



Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan

Encik Muhamad Khuzaimie Bin Azuddin

Penolong Pegawai Belia Dan Sukan

Jawatankuasa Perasmian & Penutup

Profesor Madya Dr. Hashim Fadzil Bin Ariffin

Pensyarah Kanan

Jawatankuasa Publisiti, Protokol & Jemputan

Encik Zamri Bin Ahmad

Koordinator Unit Komunikasi Korporat

Jawatankuasa Sekretariat & Sukarelawan

Encik Muhammad Izzuddin Bin Hamdi

Penolong Pegawai Belia Dan Sukan

Puan Farah Wahida Binti Abd Rahman

Pembantu Belia Dan Sukan Kanan

Jawatankuasa Buku Program (e-book)

Puan Farleen Azrina Binti Zamberi

Pustakawan Kanan



Jawatankuasa Persempahan Kebudayaan
Encik Muhammad Fakhrun Hanif Bin Abd Hamid
Penolong Pegawai Kebudayaan

Jawatankuasa Perubatan & Kecemasan
Dr. Meor Adzmey Bin Sagiruddin
Timbalan Ketua Pegawai Perubatan

Jawatankuasa Keselamatan & Trafik
DSP/PB Yuzaini Ridzuan Bin Yusof
Timbalan Pegawai Keselamatan

Jawatankuasa Logistik & Fasiliti
Encik Mohd Saiful Nizam Bin Mohamad Ali
Jurutera

Jawatankuasa Hadiah , Cenderamata & Penyampaian Hadiah
Cik Nor Azilawati Binti Mohamad Azmi
Pustakawan Kanan

Jawatankuasa Persegaran & Jamuan
Encik Mohd Zool Fadli Bin Ibrahim
Pensyarah Kanan



Jawatankuasa Kemudahan & Peralatan

Encik Mohd Firdaus Bin Shaarani

Pembantu Belia Dan Sukan Kanan

Jawatankuasa Penginapan & Kebajikan

Puan Dewi Anis Binti Othman

Pengurus Asrama Kanan

Jawatankuasa Pengangkutan

Encik Mohd Shahid Bin Abdul Razak

Penolong Jurutera

Jawatankuasa Karnival & Jualan

Dr. Ahmad Asri Bin Abd Samat

Pensyarah Kanan

Jawatankuasa Teknologi Maklumat, Data dan Keputusan Kejohanan

Puan Nor Husaina Binti Md Hussain

Pegawai Teknologi Maklumat Kanan

Jawatankuasa Fotografi, Rakaman & Dokumentasi

Jawatankuasa Sukan Pelajar (JSP)



Pengerusi Permainan

Badminton	Encik Mohd Yazli Bin Yahya	Timbalan Pengarah
Catur	Puan Hamidah Binti Abd Rahman	Tim. Ketua Pegawai Sukan
Bola Jaring	Puan Adde Shah Binti Naddra Din	Pegawai Sukan
Bola Keranjang	Encik Muhammad Nizam Bin Alang Karim	Pegawai Sukan
Bola Sepak	Encik Muhammad Farid Bin Muhammad Ismail	Pegawai Sukan
Bola Tampar	Encik Muhadirin Bin Mohamed	Pen. Pegawai Sukan Kanan
Bola Baling	Encik Muhd Khairul Hafidzin Bin Abdul Wahab	Pen. Pegawai Sukan Kanan
Futsal	Encik Ahmad Faizan Bin Affandi	Pegawai Sukan
Hoki 9's	Encik Fairuz Bin Haji Ahmad	Pen. Pegawai Sukan Kanan
Petanque	Tuan Syed Akmal Fikri Bin Syed Ali	Pembantu Sukan
Ping Pong	Cik Siti Sakinah Binti Ismail	Pegawai Sukan
Ragbi 10's	Encik Abd Aziz Bin Kamarudin	Pen. Pegawai Sukan Kanan
Sepak Takraw	Encik Mohd Nor Aidil Bin Abd Latif	Pegawai Sukan
Tenis	Encik Ruffian Ridzar Bin Mohd Isa	Pen. Pegawai Sukan



Penyelaras Permainan

Badminton	Encik Ahmad Khuzairi Bin Omar Bakhi	Penolong Pensyarah Tertinggi
Bola Baling	Encik Muhamad Ridzuan Bin Arifin	Pensyarah
Bola Jaring	Puan Azizah Binti Ahmad	Pensyarah Kanan
Bola Keranjang	Encik Ng Tai Lai	-
Bola Sepak	Encik Mohamad Farmee Bin Saad	Pegawai Eksekutif
Bola Tampar	Encik Jamaluddin Bin Mohd Salim	Pembantu Tadbir Tertinggi
Catur	Encik Mohd Rossefendy Bin Ramelan	Penolong Jurutera
Futsal	Saudara Muhammad Ariff Shafiq Bin Fauzan	-
Hoki 9's	Dr. Ahmad Asri Bin Abd Samat	Pensyarah Kanan
Petanque	Puan Nor Suhada Binti Abdullah	Pensyarah
Ping Pong	Encik Lesairuamin Bin Leiahs	Penolong Pensyarah
Ragbi 10's	Encik Mohd Azuan Bin Tukiar	Pensyarah Kanan
Sepak Takraw	Encik Mohammad Rozi Bin Mohammad Nazir	Penolong Jurutera
Tenis	Ts. Dr. Mohd Samsuddin Bin Abdul Hamid	Pensyarah Kanan



Atur cara Majlis Perasmian

KARNIVAL SUKAN MAHASISWA (KARiSMA) KALI KE-28 (XXVIII) 2023
21 September 2023

MASA

MAJLIS PERASMIA
(Dewan Besar UiTM Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh)

8.00 malam	Ketibaan Dif-dif jemputan (Rektor-Rektor UiTM Negeri dan Jemputan Luar) (Jamuan ringan di Tingkat 1 Dewan Besar)
8.10 malam	Ketibaan Tetamu Kehormat (Jamuan ringan di Holding Room Dewan Besar)
9.05 malam	Persembahan Pembukaan / Selamat Datang Perarakian masuk kontinjen Nyanyian Lagu Negaraku dan Wawasan Setia Warga UiTM Bacaan Doa Ucapan Alu-aluan 1 Yang Berusaha Prof. Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy Bin Razali Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang
	Ucapan Alu-aluan 2 Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Binti Mohd Janor Naib Canselor
	Ucapan Perasmian Yang Berbahagia Dato' Seri Abdul Razak Bin Jaafar Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi
	Gimik Perasmian Karnival KARiSMA UiTM 2023 dan Sports Championship Management System
	Persembahan Kebudayaan I Upacara Menaikkan Bendera Kejohanan
	Bacaan Ikrar Kejohanan Persembahan Kebudayaan II
	Lawatan Mesra Kontinjen – Serah Terima Cenderamata Kejohanan Majlis Tamat



Atur cara Majlis Penutup

KARNIVAL SUKAN MAHASISWA (KARiSMA) KALI KE-28 (XXVIII) 2023
27 September 2023

MASA

MAJLIS PENUTUPAN
(Dewan Besar UiTM Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh)

10.00 pagi	Ketibaan Kontinjen
10.30 pagi	Ketibaan Rektor-Rektor UiTM Negeri dan Jemputan
11.00 pagi	Ketibaan Yang Berbahagia Profesor Dr. Haji Mohd Sazili Bin Shahibi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Persembahan Kebudayaan Nyanyian Lagu Negaraku dan Wawasan Setia Warga UiTM Bacaan Doa Ucapan Alu-aluan Yang Berusaha Profesor Madya Ts Dr. Basharudin Bin Abdul Hadi Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) UiTM Cawangan Pulau Pinang Ucapan Perasmian & Penutupan Yang Berbahagia Profesor Dr. Haji Mohd Sazili Bin Shahibi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
	Majlis Menandatangani MOU antara Fakulti Pendidikan UiTM dan Extra Joss
	Majlis Pelancaran Persatuan Sportspreneur Club UiTM Shah Alam Pengumuman Juara KARiSMA 2023 Penurunan Bendera Kejohanan Penyerahan Bendera Kejohanan kepada Tuan Rumah KARiSMA 2024 Penyampaian Cenderamata UiTMCPP kepada Timbalan Naib Canselor HEP, UiTM Persembahan Kebudayaan
	Majlis Tamat (Makan Tengahari di Perkarangan Dewan Besar, UiTMCPP)



Jadual Umum Kejohanan

JADUAL PERLAWANAN KARNIVAL SUKAN MAHASISWA (KARISMA) KALI KE-28 (XXVIII) 2023

Bil	Tarikh / Acara	SEPTEMBER 2022						Jumlah Pingat	Lokasi Pertandingan		
		19 SE	20 RAB	21 KHA	22 JUM	23 SAB	24 AHD	25 ISN	26 SEL	27 RAB	
1	Majlis Perasmian										Dewan Besar, UTMCPP (P. Pauh)
2	Badminton										Jesseball Sport Centre, Simpang Ampat
3	Bola Baling	LP									Gelanggang Bola Baling, UTMCPP (P.Pauh)
4	Bola Keranjang	LP									Kompleks Sultan Komuniti Pinang Tonggal, Bertam
5	Bola Keranjang	LP									Akira, Seberang Jaya
6	Bola Sepak	LP									UTMCPP (P. Pauh & Bertam) & ILP Kepala Batas
7	Bola Tampar	LP									Gelanggang Bola Tampar, UTMCPP (P. Pauh)
8	Catur	LP									PTAR UTMCPP (P. Pauh)
9	Futsal	LP									Jesseball Sport Centre, Simpang Ampat
10	Hoki's	LP									Stadium Hoki, Bertam
11	Petanque	LP									Gelanggang Petanque, UTMCPP (P. Pauh)
12	Ping Pong	LP									Dewan Besar, UTMCPP (P. Pauh)
13	Ragbi 10's					LP					Politeknik Saberang Perai (PSP)
14	Sepak Takraw					LP					UTMCPP (P. Pauh)
15	Tenis					LP					IPG Kampus Tunku Bainun, Mengkuang Bakit Mertajam
16	Majlis Penutupan					LP					Dewan Besar, UTMCPP (P. Pauh)

Petunjuk :



TK Taklimat Kontinjen 10.00 pagi di Dewan Seminar, Tingkat 3, Kompleks Perdana MPP Mesyuarat Pengurus Pasukan
11.00 pagi di Bilik Kuliah, Blok Annex

LP Latihan Pasukan Mengikut lokasi pertandingan


Nota :

1. Majlis Penyampaian Hadiah jam 3.00 petang akan diadakan di Laman Perdana (lobi), UTMCPP pada hari terakhir perlawanan setiap acara / mengikut keperluan.
2. Majlis Perasmian jam 8.00 malam di Dewan Besar



Jumlah Atlet & Pengurusan Kejohanan

No.	Kontijen	Atlet Lelaki	Atlet Wanita
1.	Johor	138	61
2.	Kedah	105	74
3.	Kelantan	142	101
4.	Melaka	128	75
5.	Negeri Sembilan	144	106
6.	Pahang	142	104
7.	Perak	94	27
8.	Perlis	131	88
9.	Pulau Pinang	106	39
10.	Sabah	18	30
11.	Sarawak	14	34
12.	Selangor	144	106
13.	Shah Alam	144	106
14.	Terengganu	130	92
Jumlah		1580	1043



Sekalung Penghargaan

Setinggi – tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dengan penganjuran Karnival Sukan Mahasiswa (KARiSMA) kali ke – 28 (XXVIII) 2023 pada 20 – 27 September 2023 di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang terutamanya kepada :

Seluruh Jawatankuasa Induk, Jawatankuasa Pelaksana, dan seluruh pengurusan kontijen UiTM SeMalaysia.

Tidak lupa juga kepada pasukan Medik, Kolej – kolej Kediaman UiTM Cawangan Pulau Pinang dan pasukan Polis Bantuan yang bertungkus lumus berkhidmat sepanjang KARiSMA 2023 berlangsung.

Semua Kontijen daripada kampus – kampus UiTM Malaysia yang mengambil bahagian dalam KARiSMA 2023 dan juga kepada pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak bagi menjayakan KARiSMA 2023. Terima kasih.






Autograf



KARISMA
XXVIII 2023

UITM CAWANGAN PULAU PINANG





Autograf



KARISMA
XXVIII 2023

UITM CAWANGAN PULAU PINANG





Autograf



KARISMA
XXVIII 2023

UITM CAWANGAN PULAU PINANG





Atlet Cemerlang UiTM Gemilang



UITM CAWANGAN PULAU PINANG

2023



World University
Rankings
2023 TOP 1501+



MDEC
Premier Digital
Tech Institution

